

Tiada lagi subsidi rumah guna elektrik tinggi

Putrajaya: Pengguna yang menggunakan bekalan elektrik yang amat tinggi tidak lagi akan menikmati pemberian subsidi daripada kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan kediaman yang penggunaan elektriknya sangat tinggi umpamanya menggunakan tiga kipas dan empat penyaman udara, mereka harus membayar kos sebenar dan tidak lagi menikmati subsidi.

“Maknanya B40 dan M40 tiada kenaikan (tarif elektrik), tetapi rumah yang menggunakan elektrik yang tinggi akan dikenakan bayaran ikut harga pasaran.

“Ini kena faham, tiada kenaikan bagi 90 peratus rakyat, tetapi bagi rumah yang menggu-

nakan elektrik berlebihan, termasuk penggunaan penyaman udara yang banyak (akan ada kenaikan tarif),” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Anwar berkata, kerajaan telah memulakan langkah pensasaran subsidi pada awal tahun ini dengan menolak cadangan kerajaan lalu untuk menaikkan harga elektrik.

“Jadi kita kekalkan harga elektrik bagi B40 dan M40, dan hanya dikenakan kenaikan kepada kilang-kilang besar melainkan yang ada kaitan dengan pertanian atau perniagaan kecil dan sederhana (PKS).

“Dasar ini akan diteruskan

untuk menjayakan program pensasaran subsidi kerajaan. Langkah ini dijangka menjimatkan tanggungan subsidi elektrik kerajaan sebanyak RM5 bilion hingga RM8 bilion bagi tahun 2023 bergantung kepada harga semasa bahan api.

“Penjimatan ini akan disalurkan kepada perbelanjaan-perbelanjaan rakyat yang lain,” katanya.

Sebelum ini, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad melaporkan yang kerajaan memperuntukkan RM10.76 bilion bagi menampung subsidi bil elektrik untuk pengguna domestik dan pengguna bukan domestik kategori voltan rendah (LV) bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023.

Ia meliputi pengguna daripada perniagaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), restoran, kedai runcit, bengkel kecil serta pengguna dalam kategori pertanian seperti petani, penternak dan pekebun.

Jelas Nik Nazmi, dengan pemberian subsidi tersebut, seramai 9.5 juta pengguna elektrik yang mewakili 99 peratus daripada keseluruhan pengguna di Semenanjung Malaysia tidak akan terkesan dengan kenaikan kos bahan api penjanaan elektrik.

Menurutnya, tarif elektrik disemak setiap enam bulan sekali melalui mekanisme Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) dengan mengambil kira kos bahan api dan kos penjanaan lain bagi tempoh enam bulan ke belakang.